

Bebaskan Kuwait: Malaysia masih sokong keputusan PBB

UM 17 FEB 1991

KUALA LUMPUR 16 Feb.
— Malaysia masih menyokong segala keputusan Pertubuhan Bangsa - Bangsa Bersatu (PBB) dalam usaha membebaskan Kuwait daripada penaklukan tentera Iraq, kata Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini.

Bagaimanapun, kata Perdana Menteri, Malaysia bersedia berkecuali dalam peperangan di Teluk, yang akan masuk bulan kedua esok.

"Kita masih sokong segala tindakan yang diambil oleh PBB, tapi kita berkecuali dalam masalah ini," katanya kepada pemberita selepas menghadiri majlis "rumah terbuka" anjuran Parti Gerakan sempena Tahun Baru Cina di sebuah hotel, di sini.

Malaysia menyokong ketetapan 678 Majlis Keselamatan PBB untuk menggunakan kekerasan bagi mengundurkan tentera Iraq dari Kuwait tetapi mempersoalkan tindakan tentera bersekutu, yang diketuai oleh Amerika Syarikat mengembom Iraq.

Dato' Sri Dr. Mahathir berkata, beliau tidak nampak jalan penyelesaian terhadap perang yang berlaku kerana kedua-dua pihak (Iraq dan tentera bersekutu) masih terus berdegil.

"Walau apapun penyelesaiannya, Iraq mestilah keluar dari Kuwait. Dia tidak boleh takluk sebuah negara lain kerana ia bukannya cara untuk menyelesaikan pertikaian sempadan."

"Kalau (tentera) boleh masuk dan ambil negara orang, maka tidak senang hatilah orang di negara yang lemah," katanya.

Ketika ditanya bilakah beliau akan melawat Kelantan, Perdana Menteri berkata beliau belum ada rancangan untuk berbuat demikian.

Sementara itu, Timbalan Perdana Menteri, En-cik Ghafar Baba berkata, Malaysia begitu bersimpati dengan rakyat Iraq yang terkorban akibat perang Teluk dan mahu masalah itu diselesaikan segera iaitu dengan Iraq berundur dari Kuwait.

Kata beliau, semuanya terletak di tangan Presiden Iraq, Saddam Hussein dan jika dia (Saddam) mematuhi keputusan Pertubuhan Bangsa - Bangsa Bersatu (PBB) peperangan akan dapat dihentikan segera.

"Pada masa ini keadaan sudah terdesak dan segala macam rundingan telah diadakan tetapi Iraq enggan juga keluar dari Kuwait," katanya kepada para pemberita selepas menunaikan sembahyang Jumaat di Masjid Kesang Tua dekat sini semalam.

Beliau juga berkata, Malaysia tidak akan berganjak daripada pendiriannya yang menentang penjajahan ke atas sebarang negara, sama ada negara itu Islam atau tidak kerana 'Malaysia sudah serik dijajah lebih 400 tahun oleh kuasa asing."